

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya: Suatu Kajian Proses Pelaksanaan (2008-2023)

Helen Mu Hung Ting* and Nor'Ain Adam

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Lingkungan Johan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji proses penjalanan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk memahami paradoks tentang sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan rekod prestasi perkhidmatan yang cemerlang, namun menunjukkan keterbatasan dalam usahanya untuk membanteras kemiskinan di kawasanya. Seterusnya, implikasinya terhadap tadbir urus bandar (urban governance) dan perhubungan persekutuan-tempatan dibincang. Metod kualitatif digunakan, iaitu temubual mendalam dan berstruktur, pemerhatian, serta analisis dokumen rasmi. Proses pelaksanaan PPKB dikaji mengikut kerangka konseptual yang meneliti tiga tahap penjalanan program, iaitu pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Kajian mendapati bahawa MBPJ membangunkan PPKB sebagai tindakan susulan daripada pengenalan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan proses pelaksanaan PPKB diwarnai oleh skop penilaian prestasi yang tertera dalam kerangka SPB-PBT. Oleh itu, tumpuan penilaian dalaman tidak membincang tentang keberkesanan program dari segi pemeraksanaan mata pencarian dan peningkatan kualiti kehidupan peserta PPKB secara mampan. Justeru, skop penilaian dan skema permarkahan yang ditetapkan dalam SPB-PBT berjaya memberi panduan kepada PBT tentang keutamaan yang perlu diusahakan oleh mereka, namun juga menjadi punca keterbatasan implementasi PPKB oleh MBPJ. Usaha ketara MBPJ untuk memenuhi keperluan warga miskin di kawasanya adalah terpuji, namun usaha ini bertujuan untuk memenuhi syarat indikator SPB-PBT dan bukan berdasarkan misi untuk menghapuskan kemiskinan bandar secara mampan.

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 07 March 2025

Accepted: 09 December 2025

Published: 30 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.33.6.22>

E-mail addresses:

helenting2011@gmail.com (Helen Mu Hung Ting)

norain@mbpj.gov.my (Nor'Ain Adam)

*Corresponding author

Kata kunci: Agenda perbandaran baharu, indikator perbandaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), program pembasmian kemiskinan bandar (PPKB), tadbir urus bandar

ABSTRACT

This article examines the implementation process of the Urban Poverty Eradication Programmes by the Petaling Jaya City Council to unravel the paradox of a top-performing Council which achieved no apparent progress in alleviating urban poverty and discusses its implications on urban governance and federal-local dynamics. The study employs qualitative methods, including structured in-depth interviews, observation, and official document analysis. Analysis is conceptually divided into three stages, i.e. development, implementation, and evaluation of the programmes. The study found that the Council launched these programmes in view of the Local Authority Star Rating System introduced by the Ministry of Housing and Local Government, and its implementation was influenced by the scope of evaluation stipulated by the rating scheme. Consequently, internal evaluation reports did not assess how effective the programmes were in improving the livelihood and quality of life of the target groups. The Ministry was effective in providing guidance to the local authorities on the priorities to focus on through its Star Rating System, whose scope of evaluation and rating scheme set the tone, but also its limit. The manifest efforts of the Council in catering for needy residents are commendable, but they were oriented to fulfilling administrative requirements rather than resolving the larger issues of poverty eradication sustainably.

Keywords: Local council authority, Ministry of Housing and Local Government, new urban agenda, urban governance, urban indicator, urban poverty eradication programme

PENGENALAN

Latarbelakang Kajian

Kemiskinan bandar memerlukan perhatian serius daripada kerajaan untuk mencapai pembangunan yang lebih seimbang dan saksama. Pada peringkat antarabangsa, pembasmian kemiskinan di bandar telah diketengahkan sebagai salah satu keutamaan untuk tindakan sejak Persidangan UN-HABITAT II yang diadakan pada 1996 (Wegelin & Borgman, 1995). Strategi untuk mengurangkan kemiskinan biasanya melibatkan intervensi pada peringkat makro (oleh kerajaan pusat) dan mikro (oleh organisasi komuniti); intervensi oleh Kerajaan Tempatan boleh dianggap sebagai peringkat meso berdasarkan bidang kuasa institusi tempatan (Vanderschueren et

al., 1996, p. 3-4). Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Tempatan digesa supaya bertukar pendekatan tradisinya yang menekankan pengawasan pembangunan (*development control*) kepada promosi pembangunan (*development promotion*) (p. 10).

Tindakan Kerajaan Tempatan untuk mengurangkan kemiskinan bandar, biasanya dengan kerjasama penduduk, bukan sesuatu yang baru, walaupun corak tindakan itu berbeza-beza dan bergantung kepada keadaan tempatan. Dalam banyak kes, ia melibatkan usaha menaiktaraf kemudahan asas di kawasan setingan seperti penyambungan sistem paip air bersih dan pembetulan (Program Perbaikan Kampung, Jakarta), pembinaan atau pembaikpulihan rumah daif atau merbahaya (*Slum Action Plan*, Sao Paulo) (Serageldin

et al., 2006). Kajian Sriyana (2025) menentukan bahawa peningkatan peruntukan Kerajaan Tempatan di Yogyakarta bagi program pembasmian kemiskinan berjaya menurunkan kadar kemiskinan. Di Senegal, majlis bandaraya Dakar mewujudkan bahagian baru yang tertumpu kepada usaha menyokong usahawan kecil belia, manakala Datuk Bandar Cebu membentuk *City Commission for the Urban Poor*, sebuah badan khusus untuk menangani kemiskinan bandar (Vanderschueren et al., 1996). Di Afrika Selatan, pendekatan *local economy development* diangkat oleh majlis bandaraya Buffalo City untuk membantu membangunkan ekonomi tempatan melalui pertanian bandar, *tourisme* dan pemerksaan keusahawanan kecil, sederhana dan mikro (Mbeba, 2014). Pendekatan *local economy development* juga digunapakai oleh beberapa kota-kota bandar terpilih di Europa Timur dan Tengah untuk mengurangkan kemiskinan dan pengangguran (Murphy & Gwen, 2005).

Kerja hakiki tradisional Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia tertumpu kepada pengurusan perkhidmatan dan penyediaan kemudahan asas di bandar seperti pengumpulan sampah, penyelenggaraan lampu jalan serta kawalan kesihatan awam. Jadual Kesembilan Pelembagaan Persekutuan (No. 4-6) menyenaraikan jenis perkhidmatan dan kawalan tempatan, yang seterusnya diletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Tempatan seperti diperincikan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976. Di bawah Akta tersebut, peranan dan kuasa PBT juga meliputi pengawalan aktiviti

perdagangan tempatan, pembangunan perumahan, taman rekreasi dan infrastruktur awam.

Menurut Perlembagaan Persekutuan (Jadual Kesembilan, Senarai II, No. 4), PBT sebagai Kerajaan Tempatan adalah terletak di bawah bidang kuasa Dewan Undangan Negeri masing-masing kecuali mereka yang berada di Wilayah Persekutuan. Namun, PBT juga di bawah pengawasan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang dipengerusikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan wakil-wakil persekutuan dan semua negeri sebagai ahlinya (Perkara 95A, Perlembagaan Persekutuan). Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan menggubal dasar persekutuan berkenaan halatuju Kerajaan Tempatan secara keseluruhan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan dasar tersebut melalui Kerajaan Negeri. Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor yang berportfolio Kerajaan Tempatan bertanggungjawab untuk melaksanakan semua dasar KPKT terhadap PBT di seluruh Selangor.

Susulan pengenalan Dasar Perbandaran Negara (2006-2015) (DPN1) yang bertujuan untuk memandu dan menyelaras pembangunan dan perancangan bandar di Semenanjung Malaysia oleh KPKT, PBT telah disarankan supaya mengadakan aktiviti untuk membantu penduduk miskin di kawasan masing-masing. DPN1 menetapkan pembasmian kemiskinan bandar sebagai salah satu daripada objektifnya. Bahagian ke-13 di bawah Teras 2 DPN1 merujuk kepada gerak kerja supaya “peluang

pekerjaan terutama kepada kumpulan yang berpendapatan rendah dipertingkat dan dipelbagaikan tanpa mengira kaum". PBT diletak sebagai salah satu agensi pelaksana bagi Bahagian ini. (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2006, p. 10).

DPN Kedua (2016-2025) (DPN2) dan Agenda Perbandaran Baharu (diterjemahkan daripada dokumen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, the *New Urban Agenda* atau NUA) yang diperkenalkan pada 2017 juga menyarankan perhatian kepada golongan miskin bandar. Prinsip keempat DPN2 merangkumi penganjuran program yang khusus untuk kebajikan isi rumah B40 di bandar untuk meningkatkan taraf hidup mereka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2016). Untuk menambahbaik dan mencapai konsep asas keefisienan perkhidmatan bandar, PBT disaran memberi perkhidmatan perbandaran berpandukan matlamat pembangunan mampan dan NUA.

Prestasi perkhidmatan PBT dipantau oleh KPKT melalui Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT). Demi pembudayaan kerja berasaskan prestasi, Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005 yang menyarankan agensi kerajaan mengukur prestasi perkhidmatan berasaskan prinsip-prinsip tertentu (Din & Ngah, 2017). Pada 2008, dalam usaha untuk memantau dan mengekalkan prestasi perkhidmatan PBT yang baik dan cekap serta memastikan dasar kerajaan dilaksanakan, Ketua Setiausaha KPKT telah mengeluarkan pekeliling untuk melaksanakan SPB-PBT (KPKT, 2008).

Indikator penilaian SPB-PBT menjurus kepada tindakan PBT seperti dinyatakan dalam DPN dan NUA. Mulai 1 April 2008, KPKT menjalankan penarafan gred (*ranking*) sekali setiap dua tahun atas semua PBT terhadap kualiti perkhidmatan yang telah disediakan demi penduduk mengikut kriteria-kriteria seperti tertera dalam kerangka SPB-PBT. Semasa wabak covid-19 pada 2020, penilaian SPB-PBT ditangguhkan buat sementara oleh KPKT dan dilaksanakan semula pada tahun 2022.

Kajian ini meneliti proses pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada tempoh tahun 2008–2023. Sebagai salah sebuah PBT yang bertaraf bandaraya di Negeri Selangor, MBPJ meliputi kawasan seluas 97.2 kilometer persegi dengan 807,879 penduduk dan 276,793 pegangan harta pada Januari 2024 (MBPJ, 2024). Pelaksanaan PPKB di peringkat PBT merupakan salah satu kriteria indikator yang diambil kira dalam penilaian SPB-PBT.

MBPJ bermula terlibat dalam PPKB sejak 2007 selepas pengenalan DPN1, namun cuma sebagai pemudahcara untuk menyalurkan peruntukan PPKB daripada KPKT kepada penduduk yang memerlukan (MBPJ, 2007). Ia mula membangunkan dan melaksanakan PPKB secara pro-aktif sejak 2008 selepas penguatkuasaan penilaian SPB-PBT. Di sebaliknya, kebanyakan PBT tiada kemampuan kewangan untuk menjalankan banyak program yang memanfaatkan warga miskin. Dari semasa ke semasa, PBT mengadakan program bagi warga miskin

seperti membantu gelandangan untuk mencari pekerjaan, atau mengagihkan bantuan sumbangan kebajikan atau makanan percuma.

Permasalahan, Objektif, dan Kepentingan Kajian

Walaupun kebanyakan PBT masih tidak melaksanakan PPKB atas kekangan bajet, MBPJ merupakan satu-satunya PBT yang melaksanakannya secara sistematik dengan bajet sendiri. Namun peserta PPKB semakin bertambah, dan keadaan kemiskinan bandar tidak mengalami perubahan secara ketara di kawasan MBPJ biarpun pelbagai PPKB telah dijalankan oleh MBPJ. Kemiskinan bandar kekal menjadi cabaran kepada pihak MBPJ untuk diatasi. Di sebaliknya, berdasarkan penilaian SPB-PBT, prestasi MBPJ dianggap “cemerlang” dan selalunya dianugerahkan 5 bintang. Menurut keputusan SPB-PBT 2018, MBPJ telah mencapai kedudukan keempat bagi kategori “bandaraya terbaik” di seluruh Malaysia, manakala ia telah dinobatkan tempat pertama bagi kategori “bandaraya terbaik” pada 2022. Kontras keadaan MBPJ di antara pengiktirafan prestasi perkhidmatannya sebagai cemerlang dan keterbatasan usaha gigihnya untuk membanteras kemiskinan di kawasanya merupakan suatu “*puzzle*” yang wajar ditelaah.

Artikel ini bertujuan mencari penjelasan tentang paradoks ini dengan meneliti tatacara pelaksanaan PPKB. Bagaimanakah PPKB dibangunkan oleh MBPJ? Apakah jenis program yang disediakan dan adakah

MBPJ berpuas hati dengan prestasi PPKBnya? Bagaimanakah kayu ukur penilaian ditentukan bila program dinilai secara dalaman? Sehubungan itu kajian ini cuba mengenal pasti kekuatan dan kelemahan prosedur penjalanan PPKB yang boleh memberi pencerahan kepada keadaan ini. Cabaran untuk menangani kemiskinan bandar sebenarnya multidimensi dan memang rumit untuk diatasi. Kajian ini menumpu skopnya dari tinjauan tadbir urus (*governance*).

Dari segi kepentingan kajian, seperti yang akan dibincang di bahagian sorotan kajian lepas, bukan sahaja jarang dijumpai kajian berkenaan PPKB yang dilaksanakan oleh PBT di Malaysia, kajian ini juga merupakan suatu kajian perintis yang meneliti PPKB dari segi tatacara pelaksanaan dan menyumbang terhadap pembinaan ilmu di bidang pentadbiran awam serta dari segi peranan PBT untuk membangunkan bandar yang mampan dan sejahtera. Ini adalah relevan kepada perbincangan tentang cabaran yang dihadapi dari segi tadbir urus bandar. Konsep *urban governance* menumpu perhatian kepada perhubungan dan interaksi di antara pelbagai aktor serta keadaan dan peraturan yang membentuk kerangka institusi di mana interaksi dan perhubungan ini berlaku (Da Cruz et al., 2019). Justeru, kajian ini menyumbang kepada korpus kajian empirikal yang masih kekurangan sehingga menghalang kefahaman yang lebih mendalam tentang pelbagai realiti tadbir urus bandar (Da Cruz et al., 2019).

TINJAUAN LITERATUR

Sorotan Kajian

Skop kajian lalu berkaitan kemiskinan bandar di Malaysia lebih menjurus kepada faktor yang menyumbang kepada kemiskinan bandar dan ciri-ciri warga miskin bandar. Proses urbanisasi yang berkembang ke kawasan luar bandar adalah antara punca utama peningkatan kemiskinan bandar. Kemiskinan bandar juga bertambah bila penduduk miskin di kampung berhijrah ke bandar untuk mencari rezeki. Proses urbanisasi yang terlalu pesat juga menyebabkan kesesakan populasi penduduk dan perkhidmatan kemudahan awam yang terbeban, yang terus menjejaskan kualiti taraf hidup komuniti tempatan (Khalid, 2012; Yaacob & Hassan, 2023). Dengan peluang pekerjaan di bandar yang terhad, persaingan untuk mendapatkan pekerjaan bergaji tetap dan lumayan menjadi semakin sengit (Ahmed et al., 2019; Siwar & Mohd. Jani, 2003; Talib, 2016). Di samping itu, tahap pendidikan yang rendah dan kekurangan kemahiran yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan menyukarkan golongan miskin bandar untuk mendapatkan pekerjaan (Abd Aziz et al., 2011; Fong, 1989). Didapati bahawa golongan miskin di bandar bukan hanya menghadapi masalah kekurangan kewangan atau harta benda bahkan juga masalah dalam pelbagai aspek seperti kesihatan, kekurangan kemudahan asas, pendidikan anak dan cabaran lain yang dikenali sebagai kemiskinan multidimensi (Jayasooria, 2016; Khoo et al., 2018). Para sarjana sejak lama telah menyarankan pembinaan indikator-indikator pengukuran

yang lebih komprehensif untuk menentukan golongan miskin bandar secara lebih tepat (Mohamed & Xavier, 2015; Shari, 1979). Secara keseluruhannya, faktor dan ciri yang sama telah dikaitkan dengan isi rumah termiskin di bandar iaitu: tahap kemahiran atau pendidikan yang rendah, pengangguran, kekurangan peluang pekerjaan, gaji yang rendah, saiz keluarga yang besar, tempat tinggal yang daif dan kesulitan untuk mengakses kemudahan asas.

Permasalahan kemudahan perumahan dan keadaan penduduk setinggan juga menarik banyak perhatian daripada para sarjana. Kajian lalu mendapati keluarga miskin bandar yang tidak mampu terpaksa menyewa rumah usang, tinggal di kawasan setinggan, atau di lokasi merbahaya yang boleh menimbulkan kemalangan semasa musim hujan seperti di tepi sungai atau di cerun bukit (Yahaya, 1989, 1998). Banyak kajian meneliti dasar dan amalan kerajaan di Malaysia untuk menyediakan rumah bagi golongan miskin (Agus, 1992, 2001; Md. Tahir & Agus, 2003; Rameli, 2022; Siwar & Mohd. Jani, 2003).

Pada 1999, KPKT memperkenalkan dasar “setinggan sifar” menjelang 2005 yang cuba menempatkan semula penduduk setinggan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur (Agus, 2006). Sejak itu, kajian berkenaan keadaan penghuni perumahan kos rendah telah berganda (Besar et al., 2018; Harun et al., 2024; Khazanah Research Institute, 2023; Md Tahir & Agus, 2003; Salleh & Latiffi, 2021). Inisiatif kerajaan membantu golongan miskin bandar untuk mendapatkan

rumah sendiri mahupun secara sewaan adalah melalui PPR dan perumahan awam. Menurut kajian-kajian tersebut, pelaksanaan program perumahan oleh kerajaan telah menimbulkan beberapa persoalan. Isu pertama adalah berkenaan saiz rumah yang kecil, sedangkan golongan miskin cenderung berjumlah ahli keluarga yang ramai. Tambahan pula, kriteria pemilikan rumah memang tidak mencakupi semua golongan sasaran. Wujud juga isu kemudahan awam yang tidak mencukupi di kawasan PPR mahupun perumahan awam.

Beberapa kajian terkini berkenaan penduduk PPR di Kuala Lumpur meneliti tahap ketahanan (*resilience*) mereka semasa menghadapi masalah harian dalam kehidupan mereka dari pelbagai sudut (Alias & Sulaiman, 2023; Salleh et al., 2023; Sulaiman et al., 2023). Alias dan Sulaiman (2023) mendapati bahawa keterlibatan dalam komuniti dan keyakinan terhadap komuniti (yang ditakrif sebagai ketahanan komuniti) boleh meningkatkan kualiti kehidupan penduduk. Kajian Sulaiman et al. (2023) mengesahkan bahawa ketahanan pendapatan kebanyakan penghuni PPR berada pada tahap sederhana dan perlu diperkukuhkan. Ismail et al. (2025) pula mendapati bahawa antara pelbagai jenis risiko (*vulnerability*) yang boleh menjejaskan kelestarian kehidupan warga miskin di Kuala Lumpur, aspek ekonomi yang paling terdedah. Kajian Dass et al. (2022) membuat penilaian tentang keberkesanan sebuah program pemerkasaan terhadap peserta wanitanya, manakala Woo dan Khoo (2023) menelusuri inisiatif dan opsyen untuk mewujudkan

tempat tinggal dengan harga munasabah di bandaraya Pulau Pinang.

Kajian awal berkenaan PBT di Malaysia lebih kepada fungsi dan peranan utama PBT menyediakan kemudahan awam (Hussain, 1991). Beberapa kajian meneliti isu kecekapan perkhidmatan PBT (Din & Ngah, 2017; Ismail et al., 2020; Jusoh & Ahmad, 2009; Khalil & Adelabu, 2012; Manaf et al., 2018), manakala Manaf et al. (2023) dan Manaf et al. (2016) menarik perhatian kepada keperluan menjalankan libat urus dengan penduduk untuk menambahbaikkan perkhidmatan PBT. Kajian yang menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan program kemiskinan oleh PBT dalam pengurusan bandar agak terhad dan lebih tertumpu di DBKL (Abd Aziz et al., 2011; Md Tahir & Agus, 2003; Siwar, 2003; Tamizi et al., 2021). Mereka meneliti isu seperti kemudahan asas, pembangunan komuniti, krisis kewangan dan tahap kepuasan penduduk terhadap keadaan di PPR. Kajian berkenaan keadaan kemiskinan bandar di Kuala Lumpur oleh UNICEF Malaysia (2018, 2024) menggambarkan kelemahan tindakan pembasmian kemiskinan yang berkait dengan perkhidmatan perbandaran oleh DBKL. Kajian Woo dan Khoo (2025) tentang politik burocratik merupakan tajuk yang paling dekat dengan kajian ini. Mereka meneliti bagaimana reka bentuk dan pelaksanaan projek perumahan mampu milik Hijau E-komuniti di Pulau Pinang membayangkan penerimaan konsep kelestarian oleh pegawai terlibat.

Berdasarkan sorotan tentang kajian lepas ini, boleh disimpulkan bahawa kajian tentang tindakan PBT terhadap kemiskinan bandar lebih memberi perhatian kepada pengurusan PPR dan perkhidmatan yang disediakan oleh DBKL. Kajian lain ke atas PBT pula lebih menjurus kepada keefisienan perkhidmatan PBT dan kajian persepsi orang awam. Oleh itu, kajian ini terhadap tindakan pembasmian kemiskinan MBPJ merupakan suatu permulaan untuk mengisi kelompondangan ilmu empirikal berkenaan peranan PBT dalam menangani kemiskinan bandar di luar DBKL.

Banyak kajian di negara lain berkenaan kemiskinan bandar juga lebih menjurus kepada masalah setinggian dan isu tempat tinggal yang mampu dan selesa bagi golongan bawahan. Mengimbas balik penerbitan pada 50 tahun lepas, jurnal antarabangsa *Local government Studies* menjangka bahawa selain daripada isu perumahan, cabaran Kerajaan Tempatan untuk mempromosikan dasar dan amalan yang inklusif ke arah pengagihan sumber yang lebih saksama serta kelestarian bandar demi kesejahteraan warga yang di pingir masyarakat akan menjadi tajuk yang hangat pada masa yang akan datang (Avellaneda et al., 2024). Pada masa yang sama, konsep *governance* (tadbir urus) menjadi semakin diambil berat dalam bidang pentadbiran awam sejak 2010an, selepas pengenalan agenda *Millennium Development Goals* dan *Sustainable Development Goals* (Elliott et al., 2024). Sementara itu, pendekatan terhadap promosi pembangunan juga menitik-beratkan pembangunan keupayaan

(*capacity building*) sebagai cara untuk memastikan tadbir urus yang baik dan partisipasi berkesan penduduk dalam perancangan perbandaran. Kajian Vivier dan Sanchez-Betancourt (2023) untuk memahami keupayaan kerajaan tempatan untuk menjalankan libat urus dan interaksi dengan komuniti tempatan, mencapai kesimpulan bahawa tadbir urus yang bersifat partisipasi dan berkesan bergantung kepada tahap responsif kerajaan. Capano dan Oliveira (2025) yang telah membuat kajian kes tentang pelaksanaan di akar umbi tiga program sosial untuk warga miskin yang telah ditentukan oleh kerajaan persekutuan di Brazil juga menyimpulkan bahawa keupayaan penggubalan dasar yang mengambil kira kebolehan kerajaan tempatan untuk melaksanakannya adalah penting untuk mencapai keberkesanan program-program tersebut. Suatu kajian tentang usaha pegawai kerajaan tempatan di Filipina untuk menangani kemiskinan penduduk semasa wabak covid-19 mendapati bahawa kerjasama pegawai dengan badan sektor swasta (*public-private sector partnerships*) adalah kritikal untuk menolong golongan miskin di komuniti (Sobradil et al., 2025). Jadi trend antarabangsa semakin menganggap bahawa kerajaan tempatan mesti memainkan peranan sebagai *enabler* dan bukan semata-mata pembekal perkhidmatan, bahawa penduduk merupakan subjek dan bukan objek pembangunan (GHK Research and Training, 2001). Minat untuk meningkatkan keupayaan tadbir urus kerajaan tempatan untuk bertindak semakin bertambah. Kajian

ini cuba menyumbang terhadap isu ini dengan meneliti proses pelaksanaan PPKB oleh MBPJ dari segi tadbir urus.

Proses penggubalan dasar bersifat dinamik dan kompleks (Kingdon, 1995; Grindle & Thomas, 1991) dan biasanya berpunca daripada niat pemerintah untuk menyelesaikan suatu isu atau masalah tertentu di masyarakat. Namun, bagaimanakah pembuat dasar memastikan sebuah dasar

yang digubal pada peringkat kebangsaan boleh diturunkan ke peringkat bawah yang merupakan agen pelaksana? Dalam konteks kajian ini, KPKT cuba menggalakkan tadbir urus yang efisien dan baik di PBT yang bertabur di seluruh Semenanjung Malaysia melalui SPB-PBT, di antara pendekatan lain. MBPJ pula bertindak atas saranan KPKT dan juga pegawai di Kerajaan Negeri. Kajian ini menumpukan perhatian

Kerangka Konsep



Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian Berkenaan Proses Pelaksanaan PPKB
Sumber: Adaptasi daripada Grindle dan Thomas (1991)

terhadap PPKB dan kepada proses di mana dasar diterjemahkan kepada tindakan dan program PBT yang melibatkan perancangan dan penjalanan program sehingga tahap penilaian program tersebut. Kerangka konsep yang dipaparkan dalam Rajah 1 diadaptasikan daripada Grindle dan Thomas (1991). Ia membayangkan tahap *selepas* dasar telah diputuskan pada peringkat persekutuan dan negeri, di mana PBT merupakan pelaksana dasar berkenaan. Ia digunakan untuk mengupas pengoperasian dasar oleh PBT secara sistematik dari tahap pembangunan, pelaksanaan, sehingga penilaian program.

Secara ideal, proses pelaksanaan program (seiring dengan pelaksanaan dasar) berlangsung dalam bentuk kitaran. Penilaian yang merupakan aktiviti terakhir dalam proses pelaksanaan program dianggap boleh mengumpulkan maklumbalas yang berguna untuk menambahbaikkan rekabentuk program sebelum ia ditawarkan semula lagi. Pada setiap tahap penjalanan program, pelbagai masalah dan isu boleh timbul dan kaedah yang terbaik perlu ditentukan untuk mengatasi masalah berkenaan supaya objektif dasar boleh dicapai (Kingdon, 1995; Lester & Joseph, 2000).

Rajah 1 juga menunjukkan bahawa proses pelaksanaan program mengalir dari bawah ke atas (*bottom-up*), di mana pada setiap tahap, sebaik mungkin maklumbalas diperolehi daripada pemegang taruh termasuk kumpulan sasaran untuk memastikan program yang dijalankan itu berkesan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dan memanfaatkan

golongan terbabit. Pendekatan *bottom-up* ini diperkenalkan sejak 2000 bila Agenda Tempatan 21 (LA21) dilaksanakan. Ia bertujuan untuk memastikan suara masyarakat setempat diambil kira dalam proses perancangan dan pembangunan perbandaran. MBPJ juga perlu menjalankan libat urus untuk mendapat maklum balas daripada pemegang taruh dan memperolehi kerjasama dan sumbangan daripada rakan strategik dalam penyediaan programnya.

REKABENTUK PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjalankan kerja lapangan dan analisis data. Maklumat berkenaan proses pentadbiran yang dilaksanakan oleh MBPJ dikumpul agar tatacara yang terlibat untuk menyediakan dan melaksanakan PPKB boleh diteliti, serta kekangan dan cabaran yang timbul semasa MBPJ menjalankan program boleh dikenal pasti. Metod pengumpulan maklumat adalah temubual mendalam secara berstruktur, pengumpulan dokumen-dokumen rasmi dan pemerhatian turut serta pada ketiga-tiga peringkat pelaksanaan PPKB. Ini kerana kajian ini juga memanfaatkan pengalaman pengarang kedua sebagai kakitangan MBPJ selama 16 tahun yang mempunyai pengalaman bertugas di Bahagian Khidmat Komuniti Dan Pembangunan Modal Insan di Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan.

Tiga orang pegawai MBPJ yang terlibat dengan perancangan dan pelaksanaan PPKB telah ditemuduga secara mendalam berdasarkan soalan berstruktur. Pengkaji juga bertemuduga dengan seorang Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor iaitu YB Halimey Abu Bakar dan seorang Ahli Majlis MBPJ iaitu En Ahmad Akhir. Mereka merupakan pemimpin tempatan yang menyelia kawasan yang diduduki ramai warga miskin bandar. Temubual dengan responden terpilih ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai prosedur dan proses penyediaan dan penjalanan PPKB oleh MBPJ. Tema soalan temubual utama termasuk cara dan proses penentuan dan pengenpastian individu sebagai penerima bantuan, pembangunan dan peyemakan semula program pembasmian kemiskinan, tatacara penjalanan PPKB, kekuatan dan kelemahan program, dan impak PPKB terhadap kumpulan sasaran.

Pengkaji juga mengumpulkan dokumen-dokumen rasmi seperti minit mesyuarat Jawatankuasa Kecil PPKB, laporan-laporan tahunan dan Pelan Strategik MBPJ, pekeliling KPKT, dokumen SPB-PBT, dan angka-angka statistik tentang kadar kemiskinan di Petaling Jaya. Pemerhatian juga dilakukan semasa PPKB berlangsung.

Maklumat dan dokumen yang telah dikumpulkan dari kerja lapangan disusun berdasarkan pendekatan *thematic analysis* supaya data temuduga dan dokumen boleh dikupas dan diteliti secara sistematik dan mendalam. Ia mempermudah analisis dan sintesis secara komprehensif untuk mencapai suatu gambaran menyeluruh tentang tiga tahap proses penjalanan program iaitu, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian PPKB. Artikel ini seterusnya menyampaikan dapatan kajian secara teratur mengikut tiga tahap tersebut, iaitu pembangunan, pelaksanaan dan penilaian.

DAPATAN KAJIAN

Pembangunan Program

MBPJ melaksanakan PPKB untuk mematuhi dasar yang ditetapkan oleh KPKT dalam usaha untuk menyumbang terhadap pembangunan bandar yang saksama dan inklusif. Usaha itu bermula pada 2007, apabila Jabatan Perancangan Pembangunan di MBPJ bertindak sebagai urusetia untuk menyelaras pengagihan peruntukan PPKB daripada KPKT. Untuk tujuan tersebut, Bahagian Perancangan Strategik dan Program Khas di bawah jabatan tersebut dipertugaskan untuk menyediakan dan melaksanakan pelan tindakan. Untuk mengagihkan peruntukan KPKT, MBPJ perlu mengenal pasti isi rumah yang layak untuk menerima bantuan berkenaan di kawasannya. Jadi suatu bancian ke atas warga miskin di kawasan MBPJ dijalankan berasaskan Pendapatan Garis Kemiskinan pada 2008 (MBPJ, 2008). Berdasarkan maklumat bancian, MBPJ telah menyampaikan bantuan dalam bentuk sumbangan kewangan untuk menampung pelbagai perbelanjaan isi rumah miskin seperti sewa rumah, pengangkutan ke sekolah, perubatan dan penjagaan anak (MBPJ, 2008; Suzana, temuduga, April 20, 2023).

Pada 2008, untuk memenuhi keperluan indikator yang tertera dalam SPB-PBT, MBPJ mula membangunkan PPKB sendiri di samping mengagihkan peruntukan KPKT dalam bentuk bantuan kewangan. Peruntukan PPKB daripada KPKT berhenti pada 2009 dan setiap PBT disaran untuk membangunkan PPKB masing-masing.

Selepas perubahan ini, PPKB yang mula-mulanya diuruskan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan seterusnya dipindah ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan dan diletak di bawah Bahagian Pembangunan Komuniti, Sosial dan Belia pada 2011. Seterusnya pada 2014 nama bahagian tersebut diubah dan menjadi Bahagian Khidmat Komuniti dan Pembangunan Modal Insan (sila rujuk kepada Jadual 1). Pemindahan Jabatan dan penamaan semula Bahagian yang dipertugaskan untuk menyediakan dan melaksanakan PPKB membayangkan evolusi perspektif pentadbiran MBPJ terhadap sifat dan fungsi program tersebut (Zaini A., temuduga, Mei 20, 2023).

Berdasarkan Jadual 1, angka-angka bajet MBPJ yang diperuntukkan kepada PPKB dari tahun 2008 sehingga 2024 menunjukkan jumlah peruntukan yang semakin bertambah. Daripada bajet sebanyak RM100,000 setahun bagi PPKB pada permulaan yang disalurkan kepada Jabatan Perancangan Pembangunan, jumlah peruntukan meningkat ke RM240,000 setahun pada 2011 sehingga 2015 bila tanggungjawab pelaksanaan PPKB dialih ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan. Peruntukan terus bertambah selepas itu sehingga RM400,000 setahun pada 2019, sebelum ia dikurangkan ke RM300,000 setahun pada tempoh 2020-2024. Evolusi jumlah peruntukan ini menunjukkan komitmen MBPJ yang meningkat terhadap PPKB, namun juga permintaan yang semakin bertambah daripada golongan miskin. Oleh kerana kebatasan peruntukan, MBPJ menghadkan pemilihan penerima bantuan

kepada individu yang telah berdaftar dalam pangkalan data sistem PPKB sahaja.

Dari segi evolusi rekabentuk program, MBPJ mula-mulanya terus mengubahsuai beberapa program sosial sediaada supaya golongan sasaran program ditumpukan kepada warga miskin untuk menjadikan program itu sebagai PPKB. Pada masa yang sama, MBPJ juga mengadakan sesi libat urus dengan golongan sasaran dan berdasarkan maklumbalas tentang keperluan mereka (Lee L. S., temuduga, November 30, 2023) PPKB yang baru seterusnya dibangunkan. Seperti telah diterangkan, pendekatan konsultasi dengan pihak berkepentingan untuk mengumpulkan *input* agar membangunkan program secara *bottom-up* telah digunapakai oleh MBPJ sejak 2000. Pendekatan ini membolehkan MBPJ lebih memahami keadaan semasa dan isu kemiskinan dari perspektif warga kurang kemampuan kewangan dan menentukan intervensi yang paling sesuai agar bantuan daripada PPKB memenuhi keperluan golongan sasaran.

Kakitangan MBPJ juga perlu membangunkan pangkalan data berkenaan isi rumah yang memerlukan bantuan. Mereka mengedarkan borang melalui ketua-ketua blok rumah pangsa dan juga dengan meletak ke dalam peti surat dari rumah ke rumah. Notis pemberitahuan juga ditampal di tempat awam. Staf MBPJ juga mendapat bantuan daripada Ahli Majlis yang telah ditugaskan untuk menyelia kawasan tertentu. Seterusnya, kakitangan perlu turun padang untuk menjalankan bancian, mengumpulkan maklumat seperti bukti pendapatan isi rumah dan juga cadangan program daripada

Jadual 1
Peruntukan MBPJ Kepada PPKB dan Jabatan Pelaksana (2008 – 2024)

Tahun	Bajet Tahunan (RM)	Jabatan	Bahagian
2008–2009	100,000	Jabatan Perancangan Pembangunan	Bahagian Perancangan Strategik dan Program Khas
2010	100,000		Bahagian Pengurusan Maklumat dan Korporat
2011–2013	240,000	Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan	Bahagian Pembangunan Komuniti, Sosial dan Belia
2014–2015	240,000		Bahagian Khidmat Komuniti dan Pembangunan Modal Insan
2016	285,000		
2017–2018	289,000		
2019	400,000		
2020	300,000		
2021–2024	300,000	Jabatan Pembangunan Masyarakat	

Sumber: Dikumpul daripada Laporan Tahunan MBPJ (MBPJ, 2008–2022), Ucapan Bajet MBPJ (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya, 2019–2023) dan Suzana O. (temuduga, April 20, 2023)

golongan sasaran. Bancian diperlukan untuk mengenal pasti individu dan isi rumah yang layak menjadi penerima bantuan agar didaftarkan dalam sistem pangkalan profail PPKB. Oleh kerana bilangan kakitangan MBPJ yang terlibat dengan PPKB itu terhad, pendaftaran warga miskin dalam sistem profail PPKB tidak dapat dijalankan secara lebih lengkap dan menyeluruh.

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil PPKB berfungsi sebagai tapak pembangunan PPKB. Ahli Jawatankuasa Kecil PPKB terdiri daripada pegawai MBPJ yang bertanggungjawab terhadap PPKB, pemimpin setempat seperti ADUN dan Ahli Majlis MBPJ serta wakil rakan strategik. Melalui gerak kerja Jawatankuasa Kecil PPKB, MBPJ menjalin kerjasama dengan wakil daripada rakan strategik seperti Lembaga Zakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Pendidikan pada

peringkat daerah serta Kolej Komuniti setempat yang dijemput sebagai anggota Jawatankuasa Kecil tersebut. Jawatankuasa Kecil PPKB menetapkan kriteria kelayakan penyertaan PPKB, mempertimbangkan program yang dicadangkan oleh golongan sasaran, serta mendapat persetujuan tentang bentuk kerjasama dengan rakan strategik. Jawatankuasa juga perlu menangani sebarang masalah berkaitan dengan isu politik atau teknikal yang timbul untuk mencari penyelesaian (Halimey Abu Bakar, temuduga, Jun 3, 2023). Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kecil PPKB perlu dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Komunikasi dan Korporat MBPJ untuk disahkan dan seterusnya dilaporkan kepada Mesyuarat Penuh Majlis untuk kelulusan dan pelaksanaan.

Pelaksanaan Program

Dari segi pelaksanaan program, kerjasama MBPJ dengan rakan strategik seperti Pejabat Pendidikan Daerah dan kolej komuniti merupakan aspek penting untuk memudahkan pelaksanaan jenis PPKB tertentu yang berbentuk pendidikan atau latihan kemahiran vokasional. Sebagai contoh, pensyarah daripada kolej komuniti telah membantu menyediakan isi kandungan dalam pembangunan modul latihan dan seterusnya menjadi tenaga pengajar bagi program tersebut. Kerjasama seperti ini mempermudah usaha MBPJ untuk menjalankan PPKB bersifat latihan kemahiran dan pendidikan. Ia juga memberi ruang kepada rakan strategik MBPJ agar menyertai usaha membasmi kemiskinan bandar dalam komuniti secara signifikan.

MBPJ juga mengalu-alukan tajaan pihak swasta seperti pengurus hotel, syarikat pemaju dan ahli peniaga. Sumbangan mereka baikpun dalam bentuk barangan keperluan seperti tepung, beras, roti dan gula, ataupun peralatan seperti mesin jahitan dibuat sebagai inisiatif CSR (*corporate social responsibility*) pihak terbabit. Sumbangan dalam bentuk barangan keperluan asas diuruskan oleh unit *food bank* di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ. Memandangkan peruntukan MBPJ terhadap PPKB yang agak terhad berbanding dengan permintaan, sumbangan yang diberi oleh pihak swasta adalah penting untuk menampung kebatasan kewangan yang tidak mencukupi. Ini merupakan suatu kelebihan dari segi pendekatan yang diambil oleh MBPJ.

PPKB yang ditawarkan oleh MBPJ boleh dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu, program kebajikan, pendidikan, dan penjaan pendapatan. Program kebajikan membantu golongan miskin dengan menyediakan bantuan dan sokongan kewangan secara langsung. Antara program kebajikan ialah penyampaian sumbangan kewangan sempena sambutan perayaan utama (Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Deepavali) kepada keluarga miskin, golongan orang kurang upaya dan juga warga emas yang memerlukan. Program pendidikan mengadakan kelas bimbingan pelajaran bagi murid-murid dari keluarga miskin untuk meningkatkan prestasi pelajaran mereka. Program bimbingan tentang cara menjawab soalan peperiksaan dianjurkan di sekolah terpilih yang berada di lokasi dekat perumahan kos rendah. MBPJ juga memberi bantuan terhadap pembelian peralatan keperluan sekolah, dan mengadakan majlis penghargaan demi pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM.

Program penjaan pendapatan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran dan seterusnya peluang pekerjaan mereka agar keadaan kewangan mereka bertambah baik dalam jangka masa sederhana (Ahmad Akhir, temuduga, Jun 3, 2023). Antara program yang dianjurkan adalah kursus komputer, latihan kemahiran khusus bagi suri rumah seperti bengkel masakan, jahitan, kraftangan, dan urutan bersalin. Bagi golongan belia, jenis program kemahiran yang diadakan adalah seperti memperbaiki penghawa dingin, servis

motor, dan menggunting rambut. Bengkel bagi golongan orang kurang upaya juga dianjurkan untuk membina keupayaan berdikari melalui bengkel kraftangan. Melalui gabungan pelbagai pendekatan program-program ini, MBPJ berusaha untuk secara holistik mengatasi isu kemiskinan bandar dan membina imej MBPJ sebagai PBT yang prihatin dan mesra rakyat.

Jumlah keluarga miskin berdaftar dengan MBPJ pada Disember 2008 adalah 256 isi rumah, dengan peruntukan kewangan daripada KPKT berjumlah RM266,844 (MBPJ, 2008). Angka keluarga sasaran bertambah kepada 675 isi rumah miskin pada Julai 2023 manakala peruntukan kewangan daripada MBPJ cuma RM300,000 setahun (Datuk Bandar MBPJ, 2022). Pecahan peruntukan kewangan kepada ketiga-tiga kategori program pada 2023 adalah seperti berikut: program kebajikan berjumlah RM102,900 diagihkan kepada 310 isi rumah keluarga, program pendidikan berjumlah RM100,000 memanfaatkan 420 anak keluarga miskin, dan akhirnya, program penajaan pendapatan berjumlah RM97,100 melibatkan 100 orang peserta (Zaini A., temuduga, Mei 20, 2023). Semasa memilih penerima bantuan yang terhad, keutamaan diberi kepada ketua isi rumah yang berkeluarga besar, individu layak yang baru berdaftar, dan juga mereka yang tidak menerima sebarang bantuan daripada agensi zakat atau Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Penilaian Program

Pejabat urusetia PPKB dikehendaki menyediakan laporan penilaian program

berkenaan hasil dan impak program selepas penjalanan sebuah program. Laporan penilaian ini disediakan berdasarkan maklum balas yang telah dikumpulkan daripada peserta dan maklumat lain seperti bilangan peserta program dan tahap pencapaian peserta selepas menyertai program. Laporan seterusnya dibentangkan dan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil PPKB, dan susulan perbincangan tersebut, kakitangan urusetia PPKB cuba membuat penyesuaian terhadap program berdasarkan keputusan yang telah dibuat.

Seperti diterangkan di bahagian latar belakang, MBPJ telah menyediakan pelbagai PPKB mengikut dasar pembasmian kemiskinan yang dihuraikan dalam DPN dan NUA. Prestasi perkhidmatan mereka juga dinilai oleh KPKT dalam kerangka SPB-PBT. Agihan markah di antara empat kriteria yang dinilai adalah 30% bagi pengurusan, 35% bagi perkhidmatan-perkhidmatan teras, 15% tentang pengurusan pelanggan dan akhirnya, 20% diperuntukkan kepada dua aspek iaitu penyertaan komuniti dan pandangan penduduk (KPKT, 2008). Penelitian kerangka penilaian SPB-PBT mendapati bahawa keutamaan diberi kepada fungsi hakiki tradisional yang dijalankan oleh PBT. Perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT tetap diberi jumlah markah 35% sepanjang tempoh kajian ini.

PPKB sebenarnya dinilai di bawah sub-kriteria “penglibatan komuniti” yang merupakan salah satu bahagian daripada kriteria keempat dan diberi wajaran markah 10%. Sub-kriteria “penglibatan komuniti” mengandungi 33 indikator, dan indikator

yang relevan bagi PPKB berbunyi “program-program meningkatkan kualiti hidup warga miskin seperti program motivasi, keusahawanan dan kelas bimbingan”, yang cuma membawa 0.3% dalam penggredan. Dua kesimpulan boleh dicapai daripada penelitian ungkapan dan permarkahan indikator tersebut. Yang pertama, tumpuan lebih ditujukan kepada “penglibatan komuniti” daripada pembasmian kemiskinan, dan kewujudan usaha untuk “meningkatkan kualiti hidup warga miskin” sudah mencukupi untuk menerima markah penuh. Dengan lain kata, PBT digalakkan untuk melibatkan komuniti setempat dalam program-program yang dianjurkan oleh mereka. Kedua, pembasmian kemiskinan nampaknya tidak dianggap sebagai tugas utama PBT, memandangkan bahawa hanya 0.3% diperuntukkan kepada kriteria tersebut. Urusetia KPKT menjalankan semakan berkala atas kerangka penilaian SPB-PBT pada 2013 dan 2021. Walaupun peningkatan kualiti hidup warga miskin tetap terletak di bawah sub-kriteria “Penglibatan Komuniti”, wajaran markah indikator terbabit dinaik kepada 0.50 pada tahun 2013 (KPKT, 2013) namun diturunkan kepada 0.25 pada 2021 (KPKT, 2021).

Dari mulanya sejak 2008, MBPJ selalunya mendapat markah penuh bagi indikator-indikator di bawah sub-kategori “penglibatan komuniti”. Dari perspektif kerangka penilaian SPB-PBT, pencapaian ini mengiktiraf komitmen dan usaha MBPJ untuk menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang. Namun, kerangka SPB-PBT jelas menganggap pelaksanaan PPKB

sebagai suatu tindakan simbolik mesra rakyat dan bukan suatu usaha serius untuk mengurangkan kadar kemiskinan bandar. Ini menerangkan mengapa penilaian yang dijalankan oleh MBPJ juga tidak melibatkan usaha tegas untuk mengukur keberkesanan program dari segi pengurangan keadaan kemiskinan bandar.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Tiga rumusan boleh dicapai berdasarkan dapatan kajian yang dikumpulkan daripada tiga peringkat pelaksanaan PPKB tersebut. Pemerhatian pertama berkenaan kekuatan dari segi pelaksanaan PPKB. MBPJ menyedari kebatasan sumber kewangan dan tenaga kerja yang dihadapi dalam usahanya untuk meningkatkan kualiti hidup warga miskin di kawasannya dan telah menggunakan beberapa pendekatan untuk menambah impak dan keefisienan usahanya. Salah satu langkah melibatkan penyelarasan usahanya dengan rakan strategik daerah supaya memilih peserta yang belum lagi mendapat bantuan daripada jabatan atau agensi kerajaan lain, atau menawarkan bentuk bantuan yang paling sesuai untuk memenuhi keperluan isi rumah berkaitan. Tambahan pula, MBPJ juga menggalakkan tajaan CSR dari pihak swasta untuk menjalankan sesetengah PPKB yang disediakannya, dan bekerjasama dengan institusi tertentu untuk menawarkan program latihan kemahiran dan pendidikan. Selain itu, MBPJ juga menjalankan libat urus dengan pihak pemegang taruh semasa program disediakan dan dilaksanakan yang

membolehkan maklumbalas dan cadangan yang sesuai diambilkira demi mencapai impak yang optimum. Sebenarnya, kerangka SPB-PBT memberi cukup perhatian yang terperinci kepada aspek ini yang berkaitan dengan prinsip LA21. Ini menunjukkan kebolehan pegawai MBPJ untuk menjalankan tugas mereka dengan cekap.

Di sebaliknya, aspek utama yang menunjukkan kelemahan dalam proses pelaksanaan PPKB adalah reka bentuk sistem pangkalan profil peserta PPKB. Pertamanya, warga miskin sendiri tidak boleh mendaftar diri dalam talian dengan dokumen pembuktian yang diperlukan. Ahli Majlis perlu membuat edaran borang dan dengan kekangan tenaga kakitangan yang terhad, bukan semua keluarga dalam golongan sasaran yang memerlukan bantuan tersenarai sebagai peserta PPKB berdaftar. Seterusnya, pendaftaran profil peserta PPKB juga tidak meminta butiran maklumat peserta seperti taraf pendidikan dan minat peserta terhadap jenis latihan agar mempermudah proses pemilihan calon daripada senarai dalam sistem profil PPKB sebagai peserta program tertentu. Tambahan pula, sistem profil PPKB juga mengandungi maklumat terhad berkenaan mereka yang telah menyertai PPKB dan tidak mengemaskini perubahan taraf pendapatan mereka secara berkala yang boleh mempermudah tindakan susulan dan pemantauan prestasi program. Wujudnya dari semasa ke semasa juga masalah teknikal berkenaan kemasukan data, pengesahan data, pengemaskinian data, pembersihan data dan sebagainya sehingga wujud maklumat yang diragui.

Akhirnya, berdasarkan analisis ketiga-tiga peringkat pelaksanaan, pengkaji merumuskan bahawa penilaian yang dijalankan oleh MBPJ terhadap PPKB tidak menitikberatkan keberkesanan program dari segi pembasmian kemiskinan. Pertamanya, pelaporan dan pembuktian yang dibuat oleh MBPJ lebih tertumpu kepada acara PPKB yang telah diadakan, jumlah dana yang diagihkan dan nombor peserta yang telah memanfaatkan PPKB yang dianjurkan. Seterusnya, tiada langkah-langkah pemantauan spesifik terhadap impak program kepada peserta PPKB, dan data seperti rekod pendapatan dan pencapaian peserta selepas menyertai PPKB juga tidak dikemaskini dalam sistem pangkalan profil PPKB. Akhirnya, kajian mendapati bahawa PPKB dilaksanakan setiap tahun secara *one-off* dan tiada kesinambungan dari segi tindakan susulan. Kebatasan ini jelas dibayangkan oleh keadaan sistem pangkalan profil peserta PPKB yang mengandungi maklumat terhad berkenaan mereka yang telah menyertai PPKB. Tanpa kesinambungan bantuan kepada peserta PPKB sehingga mereka mencapai tahap berdikari dan keluar dari kemiskinan, impak PPKB yang mampan tidak terjamin. Ini menunjukkan bahawa penganjuran PPKB tidak mengambil perspektif berjangka panjang agar memastikan kesan yang positif dan lestari terhadap golongan yang disasarkan berkekalan.

SUMBANGAN TEORETIKAL

Kajian ini telah menganalisis bagaimana suatu dasar persekutuan yang digubal oleh

KPKT mempengaruhi pelaksanaan PPKB di MBPJ biarpun PBT terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Dengan menyelami selok-belok proses pelaksanaan PPKB di MBPJ, kajian ini memberi cerapan kepada isu dan cabaran yang timbul bila penjawat awam cuba mengemudikan arahan dan peraturan, mengagihkan sumber yang terhad, menyelenggara pengaruh peringkat kerajaan atasan serta berunding dengan pihak pemegang taruh dan rakan strategik. Untuk menjalankan programnya, PBT kini di Malaysia bukan sahaja perlu mematuhi arahan dan jangkaan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri bahkan juga menangani pelobian, desakan dan kerjasama dengan penduduk dan pemegang taruh untuk mendapat partisipasi, sokongan bahkan sumbangan. Keadaan boleh menjadi lagi rumit jika Kerajaan Persekutuan dan Negeri dikuasai oleh parti politik yang bersaing, seperti dibincang dalam kajian Woo dan Khoo (2025), sehingga Kerajaan Negeri di Pulau Pinang terpaksa membangunkan projek perumahan mampu milik sendiri. Keadaan ini yang memerlukan pentadbir bandar berunding dengan pengaruh daripada pelbagai pihak dan peringkat adalah serupa di negara lain, suatu permasalahan yang ditaksir menggunakan lensa konsep “tadbir urus bandar” (*urban governance*) (Da Cruz et al., 2019).

Satu isu berkenaan tadbir urus bandar yang timbul daripada dapatan kajian ini adalah setakat mana penggunaan indikator sebagai alat penilaian untuk memantau prestasi penyampaian perkhidmatan merupakan suatu instrumen dasar yang

berkesan. Sebenarnya amalan MBPJ tentang PPKB boleh ditinjau sebagai bukti “kejayaan” SPB-PBT yang menentukan apa-apa tanggungjawab yang perlu diberi keutamaan oleh PBT dan setakat mana atau bagaimana. Ini merupakan tujuan penjawat awam di Putrajaya yang mewujudkan suatu kerangka dan piawai seragam yang perlu diikuti oleh para pentadbir PBT.

Di sebaliknya, Caprotti et al. (2017) telah mempersoalkan implikasi tentang kecenderungan antarabangsa untuk menganggap kota bandar sebagai suatu entiti yang boleh diukur (“*city as a ‘measurable’ entity*”, p. 368) semata-mata dengan indikator, yang boleh ditanggapi dengan secukupnya melalui perangkaan dan dikuasai melalui teknologi baru. Konsep antarabangsa seperti agenda kesebelas SDG (*sustainable development goals*) merupakan suatu contoh terkini dan mewakili usaha PBB untuk membina piawai tentang dasar perbandaran yang digalakkan. Usaha penyeragaman dan pewujudan indikator merupakan suatu strategi yang membolehkan pemantauan dijalankan tentang progres yang telah berlaku di semua negara. Akibatnya, tadbir urus bandar juga dianggap sebagai amalan yang boleh menyelesaikan masalah bandar melalui semata-mata pendekatan teknokratik tanpa pertimbangan kepada kesan atau keadaan spesifik penduduk. Persoalannya adalah samada tumpuan kepada apa-apa yang boleh diukur boleh menyebabkan pengabaian terhadap aspek penting lain yang tidak dapat diukur dan apa implikasi daripada kecenderungan sebegini.

KESIMPULAN

Peranan PBT untuk terlibat dalam usaha pembasmian kemiskinan bandar sebenarnya bergantung kepada konteks tempatan. Menurut suatu survei di antara pegawai kerajaan yang meliputi 45 negara di seluruh dunia, cabaran utama berkenaan tadbir urus yang dihadapi adalah isu kebatasan kewangan (Da Cruz et al., 2019). Secara kebiasaan, tanggungjawab hakiki PBT tetap merupakan perkhidmatan perbandaran teras. Namun kemiskinan bandar adalah suatu isu penting yang perlu diatasi untuk membangunkan suasana perbandaran yang inklusif dan sejahtera bagi penduduknya serta merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang lebih saksama. Dengan kadar pembandaran nasional yang melebihi 75% di Malaysia, peranan PBT untuk menangani kemiskinan bandar perlu dipertingkatkan supaya usaha kerajaan untuk membantu isi rumah yang memerlukan boleh menjadi lebih berkesan. Walaubagaimanapun pertimbangan perlu dibuat untuk mengambilkira perbezaan kemampuan kewangan setiap PBT dan kawasan masing-masing, biarpun MBPJ yang merupakan sebuah PBT yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh juga menemui kebatasan dalam usahanya untuk mengatasi kemiskinan yang berlaku di kawasannya. Sebagai pihak berkuasa yang terdekat dengan penduduk, PBT boleh mengubahsuaikan PPKB mengikut keadaan dan keperluan setempat, dan memberi ruang untuk mobilisasi sumber barangan dan kemahiran daripada pihak swasta dan komuniti kejiranan.

Sebenarnya usaha PBT untuk membasmi kemiskinan tidak semestinya dijalankan secara berasingan daripada pengamalan fungsi hakikinya dengan bajet tersendiri. PBT boleh mengintegrasikan dimensi *pro-poor* bila menyediakan perkhidmatan terasnya. Sebagai contoh, PBT boleh memberi akses percuma kepada individu dari isi rumah yang miskin untuk menikmati kemudahan yang di bawah pentadbirannya seperti perpustakaan dan kolam renang. Memandangkan sifat multidimensi permasalahan kemiskinan, PBT boleh juga menggalakkan golongan ini untuk menyertai program pendidikan tentang tema yang tiada perkaitan secara langsung kepada aspek kewangan seperti pemakanan, pengamalan gaya hidup sihat dan pembelajaran sepanjang hayat.

Melalui pendekatan ini, PBT boleh memperluaskan keperihatinan terhadap golongan kurang kemampuan kewangan dari segi peningkatan kualiti hidup secara menyeluruh dan bukan hanya secara khusus melalui PPKB sahaja. Berdasarkan penemuan daripada kajian ini, kalau KPKT mahu menggalakkan PBT agar mengambilkira pendekatan ini, KPKT perlu mengubahsuaikan kerangka penilaian SPB-PBT supaya membayangkan jangkaan baru ini. Pelaksanaan pendekatan holistik begini menyerupai integrasi sistemik pendekatan LA21 yang telah menjadi kebiasaan dalam tatacara MBPJ dan PBT lain secara keseluruhan.

Penyelidikan ini telah menumpukan skop kajiannya kepada penelitian proses pelaksanaan program PPKB. Ia tidak

membuat penilaian secara khusus tentang keberkesanan suatu PPKB spesifik atau membandingkan keberkesanan di antara PPKB yang mengambil pendekatan berbeza. Tambahan pula, kajian juga boleh dibuat tentang keberkesanan atau kesan SPB-PBT yang juga menilai aspek amalan lain oleh PBT seperti pengurusan dan perkhidmatan teras. Diharap kajian ini boleh memberi inspirasi kepada sarjana lain untuk mengkaji aspek lain tentang PPKB yang telah dilaksanakan oleh MBPJ atau usaha lain yang dibuat oleh PBT lain untuk meningkatkan prestasinya.

PENGHARGAAN

Penghargaan dirakamkan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) atas kebenaran, kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam penyediaan data, akses dokumen, dan penyertaan dalam sesi temu bual bagi membolehkan kajian ini dilaksanakan. Ucapan terima kasih khusus ditujukan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Perancangan Pembangunan, Bahagian Khidmat Komuniti dan Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pembangunan Masyarakat, serta Ahli Majlis Undangan Negeri Selangor dan Ahli Majlis MBPJ yang terlibat, atas bantuan dan maklumat yang disalurkan sepanjang proses pengumpulan data.

RUJUKAN

Abd Aziz, W. N. A. W., Ahmad, F., Hanif, N. R., & Wang H. K. (2011). Pembasmian kemiskinan bandar ke arah bandar inklusif dan sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying,*

Construction & Property, 2(1), 1-18. <https://doi.org/10.22452/jscp.vol2no1.8>

Agus, M. R. (1992). *Pembangunan perumahan: Isu dan prospek*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Agus, M. R. (2001). *Perumahan awam di Malaysia: Dasar dan amalan*. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Agus, M. R. (2006). Eradication of urban poverty and redevelopment of lower income settlement: The Malaysian experience. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 3, 7-21.

Ahmed, F., Mia, M. S., Wiboonpongse, A., Thongrak, S., & Kiapathomchai, S. (2019). Trends in poverty and income inequality in urban malaysia: Emerging issues and challenges. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 8(2S9), 517-523. <https://doi.org/10.35940/ijrte.b1112.0982s919>

Alias, N.F. & Sulaiman, N.F.C. (2023). The social resilience of urban poverty toward quality of life in Kuala Lumpur. *Journal of Economics and Sustainability*, 5(2), 43-57. <https://doi.org/10.32890/jes2023.5.2.3>

Avellaneda, C., Bel, G., Durose, C., Eckersley, P., Esteve, M. & Lee, S. (2024) Fifty years of local government studies: Evolution, internationalisation, and the future of the field. *Local Government Studies*, 50(6), 967-979. <https://doi.org/10.1080/03003930.2024.2427845>

Besar, J. A., Ali, M., Yew, V. W. C., Lyndon, N., & Ali, M. N. S. (2018). Impak sosioekonomi dan politik program perumahan rakyat Lembah Subang, Selangor. *Akademika*, 88(1), 181-192. <https://journalarticle.ukm.my/11957/1/19084-74086-1-PB.pdf>

Capano, G. & Oliveira, V. E. de (2025). Do policy capacities matter for federal policy design? Evidence from the implementation of three social policies in Brazil. *Public Administration*

- and Development*, 1-18. <https://doi.org/10.1002/pad.2104>
- Caprotti, F., Cowley, R., Datta, A., Broto, V. C., Gao, E., Georgeson, L., Herrick, C., Odendaal, N., & Joss, S. (2017). The New Urban Agenda: Key opportunities and challenges for policy and practice. *Urban Research & Practice*, 10(3), 367-378, <https://doi.org/10.1080/17535069.2016.1275618>
- Da Cruz, N.F., Rode, P. & McQuarrie, M. (2019). New urban governance: A review of current themes and future priorities. *Journal of Urban Affairs*, 41(1), 1-19. <https://doi.org/10.1080/07352166.2018.1499416>
- Dass, M., Kunasekaran, P., Kaur, C. & Gill, S.S. (2022). Exploring the role of community empowerment in urban poverty eradication in Kuala Lumpur, Malaysia. *Sustainability*, 14(18), 11501. <https://doi.org/10.3390/su141811501>
- Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2019). *Ucapan bajet MBPJ 2020*. https://www.mbpj.gov.my/sites/default/files/ucapan_bajet_2020.pdf
- Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2020). *Ucapan bajet MBPJ 2021*. https://www.mbpj.gov.my/sites/default/files/ucapan_bajet_2021-final.pdf
- Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2021). *Ucapan bajet MBPJ 2022*. https://www.mbpj.gov.my/sites/default/files/ucapan_bajet_2022_-_final.pdf
- Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2022). *Ucapan bajet MBPJ 2023*. https://www.mbpj.gov.my/sites/default/files/ucapan_bajet_2023_13.10.22_final.pdf
- Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2023). *Ucapan bajet MBPJ 2024*. https://www.mbpj.gov.my/sites/default/files/ucapan_bajet_2024_final_13.10.pdf
- Din, B. H. & Ngah, K. (2017). Pengukuran prestasi pihak berkuasa tempatan di Malaysia. *International Journal of Society, Development and Environment in the Developing World*, 1(1), 30-38. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/76072/4.pdf
- Elliott, I. C., Oliveira, J. A. P. de & Wu, A. M. (2024). Public Administration and Development in (Historical) Perspective. *Public Administration and Development*. 44, 298-314.
- Fong, C. O. (1989). Kemiskinan bandar di Malaysia: Profil dan kedudukan pada pertengahan 1980-an. *Ilmu Masyarakat*, 15, 76-95.
- GHK Research and Training. (2001). *Literature Review: Addressing Poverty Through City Development Strategies*.
- Grindle, M. S., & Thomas, J. W. (1991). *Public Choices and Policy Change: The Political Economy of Reform in Developing Countries*. Johns Hopkins University Press. <https://doi.org/10.56021/9780801841552>
- Harun, N. F., Masrom, M. A. N., & Yassin, A. M. (2024). Kepuasan penghuni terhadap kualiti fasiliti perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). *Research in Management of Technology and Business*, 5(1), 1399-1414. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/15989>
- Hussain, A. A. (1991). *Kerajaan tempatan: Teori dan peranan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, M.K., Mohd Zailani, S.H., Ahmad, N., Sabarudin, N.A. & Ahmad Fadullah, M.F. (2025). Evaluating and enhancing sustainable livelihoods of urban impoverished groups in Kuala Lumpur, Malaysia. *Planning Malaysia*, 23(2), 14-25. <https://doi.org/10.21837/pm.v23i36.1699>
- Ismail, S., Said, J. M., & Amin, H. M. (2020). Assessing the efficiency of local government in Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice*

- in *Public Sector Accounting and Management*, 10(1), 1-23. <https://doi.org/10.58458/ipnj.v10.01.01.0061>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia. (2006). *Dasar Perbandaran Negara*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. https://www.planmalaysia.gov.my/planmalaysia/modules_resources/database_stores/16/79_11.pdf
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia. (2016). *Dasar Perbandaran Negara Kedua*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/Dasar-Perbandaran-Negara-Kedua.pdf>
- Jayasooria, D. (Peny). (2016). *Inclusive Development for Urban Poor & Bottom 40% Communities in Malaysia*. Institut Kajian Etnik (KITA).
- Jusoh, H., & Ahmad, H. (2009). Keefisienan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di Wilayah Bandaraya Kuala Lumpur: perspektif komuniti. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 5(1), 54-68. <https://journalarticle.ukm.my/922/1/6.2009-1-Hamzah-melayu-1.pdf>
- Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan. (2008). *Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 1 Tahun 2008: Pelaksanaan Sistem Star Rating Pihak Berkuasa Tempatan*. https://jkt.kpkt.gov.my/jkt/resources/PDF/Perkhidmatan/Pekeliling/2008/2008-1_Pekeliling_SSR-PBT.pdf
- Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan. (2013). *Indikator Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2013*. https://jkt.kpkt.gov.my/jkt/resources/PDF/Perkhidmatan/Surat_Indikator_2013.pdf
- Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan. (2021). *Senarai Indikator Penilaian Sistem Penarafan Bintang-Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan*. https://jkt.kpkt.gov.my/sites/default/files/2024-01/INDIKATOR%20SPB-PBT%202024_SM%20%26%20WP%20LABUAN_BELUM%20MENERIMA%20AKTA%20672.pdf
- Khalid, H. N. (2012). Satu analisis mengenai dikotomi antara kemiskinan bandar dan luar bandar Di Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 4(1), 1-21. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/30530/15.PDF
- Khalil, S., & Adelabu, S. A. (2012). Model for efficient service delivery in public service. *Journal of Public Administration and Governance*, 2(3), 85-95. <https://doi.org/10.5296/jpag.v2i3.2157>
- Khazanah Research Institute. (2023). *Kesejahteraan kediaman golongan miskin bandar: Kajian Program Perumahan Rakyat (PPR)*. Khazanah Research Institute. https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor//Laporan%20KRI_Kesejahteraan%20Kediaman%20Golongan%20Miskin%20Bandar.pdf
- Khoo, S. L., Samsurijan, M. S., Gopal, P. S., Malek, N. M., & Hamat, Z. (2018). Urban poverty alleviation strategies from multidimensional and multi-ethnic perspectives: Evidences from Malaysia. *Kajian Malaysia*, 36(2), 43-68. <https://doi.org/10.21315/km2018.36.2.3>
- Kingdon, J. W. (1995). *Agendas, alternatives and public policies* (2nd ed.). Pearson Education.
- Lester, J. P. & Joseph S. (2000). *Public policy: An evolutionary approach (second Edition)*. Wadsworth (Australia).
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2007). *Laporan tahunan MBPJ 2007*. <https://online.flippingbook.com/view/595934755/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2008). *Laporan tahunan MBPJ 2008*. <https://online.flippingbook.com/view/596364703/>

- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2009). *Laporan tahunan MBPJ 2009*. <https://online.flippingbook.com/view/595881591/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2010). *Laporan tahunan MBPJ 2010*. https://www.mbpj.gov.my/sites/default/files/report_mbpj_2010-01-minimized.pdf
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2011). *Laporan tahunan MBPJ 2011*. <https://online.flippingbook.com/view/596033219/8/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2012). *Laporan tahunan MBPJ 2012*. <https://online.flippingbook.com/view/595913302/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2013). *Laporan tahunan MBPJ 2013*. <https://online.flippingbook.com/view/595699461/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2014). *Laporan tahunan MBPJ 2014*. <https://online.flippingbook.com/view/596562136/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2016). *Laporan tahunan MBPJ 2016*. <https://online.flippingbook.com/view/596115091/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2017). *Laporan tahunan MBPJ 2017*. <https://online.flippingbook.com/view/596506642/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2018). *Laporan tahunan MBPJ 2018*. <https://online.flippingbook.com/view/596465722/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2019). *Laporan tahunan MBPJ 2019*. <https://online.flippingbook.com/view/596356487/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2020). *Laporan tahunan MBPJ 2020*. <https://online.flippingbook.com/view/596275696/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2021). *Laporan tahunan MBPJ 2021*. <https://online.flippingbook.com/view/596168031/>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2022). *Laporan tahunan MBPJ 2022*. <https://online.flippingbook.com/view/595779547/172/#zoom=true>
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya. (2024). *Latarbelakang MBPJ*. <https://www.mbpj.gov.my/ms/mbpj/profil/latar-belakang>
- Manaf, H. A., Mohamed, A. M., & Lawton, A. (2016). Assessing public participation initiatives in local government decision-making in Malaysia. *International Journal of Public Administration*, 39(11), 812-820. <https://doi.org/10.1080/01900692.2015.1035788>
- Manaf, H. A., Abdul Mutalib, R., Mohamed, A. M., Othman, Z., Ismail, S., & Akmal Ismail, N. S. (2018). Achieving quality service delivery: A selected study in Perak Local Government. *The Journal of Social Sciences Research*, (SPI6), 965-972. <https://doi.org/10.32861/jssr.spi6.965.972>
- Manaf, H. A., Mohamed, A. M., & Harvey, W. S. (2023). Citizen perceptions and public servant accountability of local government service delivery in Malaysia. *International Journal of Public Administration*, 46(12), 823-832. <https://doi.org/10.1080/01900692.2022.2025829>
- Mbeba, R.D. (2014). Local economic development and urban poverty alleviation: The case of Buffalo City Metropolitan Municipality. *Journal of Social Sciences*, 5, 347-358. <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n20p347>
- Md Tahir, M. Z. & Agus, M.R. (2003). Isu kemudahan asas bandar. Dlm. N. A. H. Idris & C. Siwar (Peny.). *Kemiskinan bandar dan sektor tidak formal di Malaysia* (hlm. 62-95). Penerbit UKM.
- Mohamed, M. Z., & Xavier, J. A. (2015). Poverty alleviation strategies and new economic model in Malaysia. *International Academic Research Journal of Economics and Finance*, 3(3), 17-31. [http://irep.iium.edu.my/43559/1/IARJEF_Mar2015_Mohd_zin_mohamed_\(1\).pdf](http://irep.iium.edu.my/43559/1/IARJEF_Mar2015_Mohd_zin_mohamed_(1).pdf)

- Murphy, I.F. & Swinburn, G. (2005). *Local economic development strategic planning and practice casebook* (Vol. 1 of 2): With cases from the Humber Region, United Kingdom; Zenica Municipality, Bosnia and Herzegovina; Vushtri Municipality, Kosovo; Smolyan Municipality, Bulgaria; City of Rezekne, Latvia; City of Poprad, Slovak Republic. Washington, DC: World Bank. <http://documents.worldbank.org/curated/en/940821468140053065>
- Rameli, N. (2022). Pembangunan program perumahan miskin bandar di Kuala Lumpur. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 4(2), 84-93. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jstard/article/view/13107>
- Salleh, N. A. S. M., & Latiffi, A. A. (2021). Kajian kepuasan penduduk terhadap kualiti perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR). *Research in Management of Technology and Business*, 2(2), 685-698. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/5002>
- Salleh, N. S., Sulaiman, N. F. C., Muhamad, S., Nawawi, M. N., Aziz, N., & Zaidi, M. A. S. (2023). Urban resilience and poverty in Malaysia. *International Journal of Sustainable Development & Planning*, 18(4), 1089-1096. <https://doi.org/10.18280/ijstdp.180411>
- Serageldin, M., Solloso, E. & Valenzuela, L. (2006). Local government actions to reduce poverty and achieve the Millennium Development Goals. *Global Urban Development Magazine*, 2(1). Dimuat turun pada 30 Ogos 2025 dari <https://www.globalurban.org/GUDMag06Vol2Iss1/Serageldin,%20Solloso,%20%20Valenzuela.htm>
- Shari, I. (1979). A study of urban poverty: The Kuala Lumpur experience. Dlm. Cheong K.C., Khoo S.M. & R. Thillainathan. (Peny.). *Malaysia: Some contemporary issues in socioeconomic development* (pp. 51-63). Persatuan Ekonomi Malaysia. [https://s3.us-west-1.amazonaws.com/p-library/singapore-malaysia/](https://s3.us-west-1.amazonaws.com/p-library/singapore-malaysia/Cheong%20Kee%20Cheok/Malaysia%20Some%20Contemporary%20Issues%20In%20Socioeconomic%20Development%20%281546%29/Malaysia%20Some%20Contemporary%20Issues%20In%20Socio%20-%20Cheong%20Kee%20Cheok.pdf)
- Cheong%20Kee%20Cheok/Malaysia%20Some%20Contemporary%20Issues%20In%20Socioeconomic%20Development%20%281546%29/Malaysia%20Some%20Contemporary%20Issues%20In%20Socio%20-%20Cheong%20Kee%20Cheok.pdf
- Siwar, C. (2003). Pembasmian kemiskinan bandar dan krisis kewangan: Isu, masalah prospek dan cabaran. Dlm. N. A. Idris & C. Siwar (Pnyt.). *Kemiskinan bandar dan sektor tidak formal di Malaysia* (hlm. 41-61). Penerbit UKM.
- Siwar, C., & Mohd. Jani, M. F. (2003). Dasar perumahan awam bagi golongan miskin di bandar. Dlm. N. A. Idris & C. Siwar (Pnyt.). *Kemiskinan bandar dan sektor tidak formal di Malaysia* (hlm. 95-114). Penerbit UKM.
- Sobradil, M. T., Butalid, M. A. P., Lumintao, J. D., Asoy, R. M. L., Visayan, A. G. V., Galache, G. O., Jumalon, J. Q. & Pava, H. P. (2025). Local Governance Initiatives, Practices, and Challenges for Poverty Alleviation Amidst Covid-19 Pandemic in the Province of Bukidnon. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, IX (VII), 3656-3667. <https://doi.org/10.47772/IJRIS.S.2025.907000296>
- Sriyana, J. (2025). Poverty alleviation in the local economy to achieve sustainable development goals. *Journal of Lifestyle and SDG's Review*, 5, 01-16. <https://doi.org/10.47172/2965-730X.SDGsReview.v5.n02.pe03942>
- Sulaiman, N. F. C., Muhamad, S., Zaidi, M. A. S., Aziz, N., & Nawawi, M. N. (2023). The resilience of income among urban poor communities in Kuala Lumpur. *Asian Development Policy Review*, 11(2), 91-98. <https://doi.org/10.55493/5008.v11i2.4837>
- Talib, K. A. (2016). Dilema kemiskinan: Falsafah, budaya dan strategi. *Akademika*, 86(2), 65-78. <https://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-05>
- Tamizi, N. E. A., Gopal, P. S., Shaed, M. M., Malek, N. M., & Yahaya, M. H. (2021). Kesejahteraan

- dalam pembangunan komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR): Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 292-302. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1065>
- UNICEF Malaysia. (2018). *Kanak-kanak pinggir: Satu kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian hak kanak-kanak bandar di flat kos rendah di Kuala Lumpur*. United Nations Children's Fund. <https://www.unicef.org/malaysia/sites/unicef.org/malaysia/files/2019-04/UNICEF-Kanak-kanak-Pinggiran-MalayVersion-Final%2026.2.18.pdf>
- UNICEF Malaysia. (2024). *Rantau sepanjang jalan: Dapatan utama*. United Nations Children's Fund. [https://www.unicef.org/malaysia/media/4631/file/Living%20on%20the%20Edge%20\(key%20findings\)\(BM\).pdf](https://www.unicef.org/malaysia/media/4631/file/Living%20on%20the%20Edge%20(key%20findings)(BM).pdf)
- Vanderschueren, F., Wegelin, E. & Wekwete, K. (1996). Policy programme options for urban poverty reduction: A framework for action at the municipal level. Washington, DC: World Bank. <https://documents1.worldbank.org/curated/en/716761468331054149/pdf/multi-page.pdf>
- Vivier, E. & Sanchez-Betancourt, D. (2023). Participatory Governance and the Capacity to Engage: A Systems Lens. *Public Administration and Development*. (43), 220-231. <https://doi.org/10.1002/pad.2012>
- Wegelin, E. & Borgman, K. (1995). Options for municipal interventions in urban poverty alleviation. *Environment and Urbanization*, 7(2), 131-152. <https://doi.org/10.1177/095624789500700219>
- Woo, K.H. & Khoo, S. L. (2023). Affordable housing alternatives in George Town World Heritage Site: What we have and what is possible. *Urban Research & Practice*, 16(5), 822-836. <https://doi.org/10.1080/17535069.2022.2160090>
- Woo, K. H. & Khoo, S. L. (2025). Bureaucratic politics and broader affordability concepts: A case study of Penang Hijau E-Komuniti affordable housing project. *Kajian Malaysia*, 43(1), 1-25. <https://doi.org/10.21315/km2025.43.1.1>
- Yaacob, M. A., & Hassan, N. Z. A. P. (2023). Exploring the Challenges Faced by the Urban Squatter Dwellers in Sentul, Kuala Lumpur, Malaysia. *Journal of Population and Social Studies [JPSS]*, 32, 14-35. <https://doi.org/10.25133/jpssv322024.002>
- Yahaya, N. (1989). *Peranan pemerintah terhadap perumahan dan persetingganan: Khususnya ke atas golongan miskin di empat buah komuniti di Kuala Lumpur dan Seremban* [Tesis kedoktoran belum diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Yahaya, N. (1998). *Kemiskinan dan perumahan di bandar: Peranan pemerintah dan penyelesaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.